

Jenis Akhbar : **Bernamea Online**
Tarikh : **03/08/2017**
Edisi / Muka Surat : www.bernama.com

Koperasi Perlu Lebih Terbuka Tawar Keahlian

Tarikh kemaskini: 03/08/2017

PEKAN, 3 Ogos (Bernama) -- Pergerakan koperasi di negara ini perlu bersikap lebih terbuka dalam soal menawarkan keahlian bagi membantu merealisasikan hasrat kerajaan untuk memiliki 10 juta anggota koperasi menjelang tahun 2020.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata pihaknya mendapat laporan ada di kalangan koperasi yang sudah mempunyai nama dan stabil, enggan membuka keahlian kerana lebih selesa dengan jumlah sedia ada.

"Kita minta kerjasama mereka (koperasi yang sudah stabil) ini ambil anggota baharu... buka keahlian kepada yang baru berminat untuk menyertai aktiviti koperasi untuk pastikan kita mampu capai sasaran.

Buat masa ini, kita ada 18,000 koperasi berdaftar dengan Angkasa dan jumlah keanggotaan seramai kira-kira lapan juta?. Jadi, kalau semua koperasi boleh buka, tidak ada masalah untuk capai sasaran itu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas Perasmian mesyuarat agung pertama penubuhan Koperasi Pengetua Sekolah Menengah Cawangan Pahang di sebuah hotel dekat sini hari ini.

Sementara itu, beliau turut berharap agar koperasi-koperasi kecil sedia ada memulakan inisiatif untuk bergabung sesama mereka bagi mengembangkan perniagaan dan keahlian.

"Jika dulu, sesebuah koperasi ditubuhkan hanya untuk selesaikan masalah atau keperluan di kalangan mereka sahaja, tetapi kini koperasi telah jauh berkembang maju, memacu perniagaan dijalankan masing-masing.

"Jadi, idea gabungan atau permuafakatan ini dapat membantu mengembangkan lagi operasi mereka sekali gus mencapai sasaran penambahan bilangan ahli serta koperasi di negara ini," katanya.

-- BERNAMA